

Buang bayi dalam semak



2 wanita warga Indonesia ditahan

JOHOR BAHRU: Menyayat hati apabila mayat seorang bayi lelaki dipercayai hasil hubungan haram sepasang warga Indonesia ditemui dalam keadaan berulat dan dibiarkan reput dalam beg plastik di Kampung Teluk Sedang Pinggir, Jalan Camar 15, Taman Perling di sini, petang semalam.

Perbuatan keji itu hanya diketahui selepas orang awam menggunakan jalan pintas berhampiran kawasan semak itu terhidu bau busuk dari arah beg plastik terbabit.

Individu yang menemui mayat bayi berkenaan menghubungi polis untuk memaklumkan kejadian kira-kira jam 3 petang.

Polis yang berkejar ke lokasi kejadian menemui mayat bayi cukup sifat itu dalam keadaan berulat dan dipercayai dibuang pada Jumaat lalu.

Difahamkan, polis turut menahan dua wanita warga Indonesia berusia 22 dan 27 tahun dipercayai bertanggungjawab melakukan perbuatan tidak berperikemanusiaan itu.

Suspek dikatakan tinggal di rumah sewa sejak lapan bulan lalu terletak hanya kira-kira 50 meter dari lokasi mayat bayi ditemui.

Seorang daripada suspek terbabit dipercayai ibu kepada bayi malang berkenaan dan zuriat itu diperoleh hasil hubungan haram dengan teman lelaki yang juga warga Indonesia dikenali hampir setahun lalu.

Bagaimanapun, umpama habis madu sepah dibuang, teman lelaki wanita terbabit kembali ke negara asal selepas puas menikmati tubuhnya.

Suspek dikatakan memasuki negara ini secara haram serta tiada sebarang dokumen per-

Seorang daripada suspek dipercayai ibu kepada bayi malang berkenaan dan zuriat itu diperoleh hasil hubungan haram dengan teman lelaki yang juga warga Indonesia.

jalan sah selain hanya bekerja sebagai pembantu di sebuah restoran di sekitar Skudai untuk menampung hidup.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan (JBU), Asisten Komisioner Ruslan Hassan, ketika dihubungi mengesahkan kejadian serta penahanan dua suspek wanita warga Indonesia itu bagi membantu siasatan lanjut kes berkenaan.

“Siasatan awal mendapati kemungkinan, kedua-dua suspek yang tinggal serumah itu adalah adik-beradik, bagaimanapun ia masih dalam siasatan dan belum dapat disahkan lagi.

“Hasil maklumat awal, kami percaya bayi itu dibuang sejeurus dilahirkan dan dipercayai meninggal dunia sejak empat hari lalu sebelum ditemui di kawasan semak terbabit. Mayat bayi itu dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) untuk bedah siasat bagi mengenal pasti punca kematian,” katanya.

Beliau berkata, suspek ditahan bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan jalan membuang mayat dengan sulit dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara dua tahun denda atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai mempunyai maklumat berhubung kejadian diminta tampil bagi membantu siasatan di balai polis berhampiran atau menghubungi talian hotline Polis Johor di talian 07-2212999.



ANGKAT...anggota polis mendukung mayat bayi.

TAHAN...polis menahan dua suspek warga Indonesia berhubung kes mayat seorang bayi lelaki ditemui mati, petang semalam.